

### KADAR BAYARAN/ SUMBANGAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN IPL

| BIL. | PERKARA                                                                                                      | RM     |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|
| 1.   | PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG BERKAHWIN                                                                        | 50.00  |
| 2.   | PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG MENDAPAT ANAK SULUNG                                                             | 50.00  |
| 3.   | PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG DIMASUKKAN KE HOSPITAL                                                           | 100.00 |
| 4.   | PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG BERSARA                                                                          | 50.00  |
| 5.   | PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG BERTUKAR KE JABATAN LAIN                                                         | 50.00  |
| 6.   | ANAK PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG CEMERLANG DALAM PENDIDIKAN                                                  |        |
|      | UPSR (minimum 3A 2B)                                                                                         | 30.00  |
|      | PMR (minimum 6A)                                                                                             | 30.00  |
|      | SPM (minimum 5A)                                                                                             | 50.00  |
|      | STPM (minimum 3A)                                                                                            | 50.00  |
| 7.   | ANAK PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG AKTIF DALAM KURIKULUM/ KO-KURIKULUM MEWAKILI KE PERINGKAT NEGERI/KEBANGSAAN | 30.00  |
| 8.   | KEMATIAN                                                                                                     | 100.00 |

**SPESIFIKASI KEPADA KADAR BAYARAN / SUMBANGAN KELAB SUKAN  
DAN KEBAJIKAN IPL KEPADA AHLI-AHLI KELAB**

**1. PEGAWAI & KAKITANGAN YANG MENDIRIKAN RUMAHTANGGA**

- 1.1 Pegawai dan Kakitangan yang mendirikan rumahtangga untuk pertama kali dalam perkhidmatan di Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia;
- 1.2 Memaklumkan status akan berkahwin kepada Bahagian Pentadbiran IPL;
- 1.3 Sumbangan sebanyak RM 50.00

**2. PEGAWAI & KAKITANGAN YANG MENDAPAT ANAK SULUNG**

- 2.1 Pegawai dan Kakitangan yang melahirkan cahaya mata sulung (anak kandung) untuk pertama kali setelah mendirikan rumah tangga.
- 2.2 Berkhidmat di Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia;
- 2.3 Mengambil anak angkat (anak yang pertama) yang telah sah didaftarkan;
- 2.4 Mengemukakan bukti-bukti pendaftaran anak kepada Kelab;
- 2.5 Sumbangan sebanyak RM 50.00

**3. PEGAWAI & KAKITANGAN YANG DIMASUKKAN KE HOSPITAL**

- 3.1 Pegawai dan Kakitangan yang dimasukkan ke Hospital termasuk ahli keluarga (isteri/suami dan anak-anak);
- 3.2 Sakit yang menyebabkan pegawai/kakitangan dimasukkan ke Wad;
- 3.3 Sumbangan akan diberikan setiap 3 tahun sekali dalam perkhidmatan di Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia;
- 3.4 Memberi makluman kepada Jawatankuasa Kelab;
- 3.5 Sumbangan sebanyak RM 100.00

**4. PEGAWAI & KAKITANGAN YANG BERSARA**

- 4.1 Tertakluk kepada Pegawai/Kakitangan yang bersara secara automatic kerana telah cukup syarat untuk bersara wajib;
- 4.2 Pegawai/Kakitangan yang bersara kerana masalah kesihatan dan dinasihatkan oleh pakar perubatan untuk berehat dari meneruskan pekerjaan atau telah hilang upaya untuk melakukan tugas-tugas hakiki di Pejabat;
- 4.3 Pegawai/Kakitangan yang memilih untuk bersara awal/pilihan;
- 4.4 Sumbangan sebanyak RM 50.00

**5. PEGAWAI & KAKITANGAN YANG BERTUKAR KE JABATAN LAIN**

- 5.1 Tertakluk kepada ahli-ahli Kelab yang bertukar ke Jabatan lain samada Kerajaan ataupun Swasta;
- 5.2 Ianya disebabkan oleh kenaikan pangkat ataupun ahli Kelab itu memohon untuk bertukar ke Jabatan lain;
- 5.3 Sumbangan sebanyak RM 50.00

**6. ANAK PEGAWAI & KAKITANGAN YANG CEMERLANG DALAM PENDIDIKAN**

- 6.1 UPSR
  - 6.1.1 Memperolehi keputusan minimum 3A 2B;
  - 6.1.2 Sumbangan sebanyak RM 30.00
- 6.2 PMR
  - 6.2.1 Memperolehi keputusan minimum 6A;
  - 6.2.2 Sumbangan Sebanyak RM 30.00
- 6.3 SPM
  - 6.3.1 Memperolehi keputusan minimum 5A;
  - 6.3.2 Sumbangan sebanyak RM 50.00
- 6.4 STPM
  - 6.4.1 Memperolehi keputusan minimum 3A;
  - 6.4.2 Sumbangan sebanyak RM 50.00

**7. ANAK PEGAWAI & KAKITANGAN YANG AKTIF DALAM MEWAKILI KE PERINGKAT NEGERI / KEBANGSAAN**

- 7.1 Tertakluk kepada anak-anak yang aktif dalam mewakili ke peringkat Negeri / Kebangsaan samada dalam kurikulum atau ko-kurikulum;
- 7.2 Penyertaan hendaklah dimaklumkan kepada Kelab;
- 7.3 Sumbangan sebanyak RM 30.00

## **8. KEMATIAN**

- 8.1 Sumbangan ini diberikan kepada ahli-ahli Kelab yang kehilangan ahli keluarga disebabkan kematian. Ahli keluarga terdekat ditakrifkan sebagai suami/isteri, anak kandung atau anak angkat yang sah didaftarkan;
- 8.2 Kematian yang disebabkan oleh sakit ataupun kemalangan;
- 8.3 Sumbangan sebanyak RM 100.00